

## PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115

Emel: pejabatbendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 4 (9)

Rujukan Tuan (Your Ref) :

27 Zulkaedah 1435H  
>> September 2014

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 9/2014

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

### PINDAAN PERATURAN MENGENAI PEGAWAI YANG LAYAK DIBEKALKAN KERETA RASMI JAWATAN

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan peraturan Pengurusan Kenderaan Universiti berkaitan Pegawai Yang Layak Dibeekalkan Kereta Rasmi Jawatan.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Peraturan Pengurusan Kenderaan Universiti melalui Pekeliling Bendahari Bil. 1/2014 pada 15 Januari 2014.
- 2.2 Seajar dengan perubahan semasa, semakan semula peraturan mengenai pengurusan kenderaan telah dikenal pasti bagi memastikan semua peraturan yang ditetapkan dipatuhi.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 4 (9)

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 9/2014 - PINDAAN PERATURAN MENGENAI PEGAWAI YANG LAYAK DIBEKALKAN KERETA RASMI JAWATAN**

2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2014 telah meluluskan pindaan ke atas pegawai yang layak dibekalkan kereta rasmi jawatan.

**3.0 PINDAAN PERATURAN**

3.1 Merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil.1/2014 para 4.1, Universiti memperuntukkan kepada pegawai-pegawai seperti berikut:

Para	Pekeliling Bendahari Bil.1/2014	Pindaan
4.1 (i)	Pegawai Institusi Pengajian Tinggi Awam Gred Utama layak dibekalkan dengan Kereta Rasmi Jawatan sekiranya pegawai memegang jawatan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor.	Pegawai Institusi Pengajian Tinggi Awam Gred Utama layak dibekalkan dengan Kereta Rasmi Jawatan sekiranya pegawai di Gred Utama/Khas B dan ke atas.
4.1 (ii)	Bagi Pegawai Institusi Pengajian Tinggi Awam Gred Utama/ Khas C dan ke atas, kemudahan ini hanya diberi sekiranya pegawai memegang jawatan Dekan atau Ketua PTj.	Bagi Pegawai di Gred Utama/Khas C, kemudahan ini hanya diberi sekiranya pegawai memegang jawatan Timbalan Naib Canselor, Dekan, Timbalan Dekan atau Ketua Jabatan, termasuk jawatan yang diberi Khas Untuk Penyandang (KUP) dan setaraf.

3.2 Bagi pegawai kontrak atau pinjaman, ia adalah tertakluk kepada terma kontrak dan pinjaman.

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 4 (9)

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 9/2014 - PINDAAN PERATURAN  
MENGENAI PEGAWAI YANG LAYAK DIBEKALKAN KERETA RASMI JAWATAN**

**4.0 TARIKH KUAT KUASA**

4.1 Semua PTj adalah tertakluk kepada pindaan peraturan ini.

4.2 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“SENTIASA MERINTIS SENTIASA MENERAJUI”**

Yang benar,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Pejabat Bendahari

☎ 06-555 2006

MH/UE/PejabatBendahari/2014/UP/New/KK Pengurusan Kenderaan/15092014

- s.k. i) Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin  
Naib Canselor
- ii) Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- iii) Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani bin Mohd. Nor  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- iv) Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)